

UNIT 2: TANGGUNGJAWAB TERHADAP RAKAN SEBAYA, JIRAN DAN MASYARAKAT

TAJUK 2 – KELAKUAN YANG TERPUJI

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan perkataan atau frasa yang sesuai.

meninggalkan najis	menyelongkar	berkongsi rezeki
mencurigakan	bulan Ramadan	Tuan rumah
tidak berkeliaran	harta benda	mulia
menolong memerhatikan	boleh digunakan	kerosakan
kecemasan bomba	mengeratkan	tidak dijaga

iii. **Bersedekah**

- Bersedekah adalah satu amalan yang _____.
- Bersedekah boleh _____ hubungan sesama jiran.
- Dalam bersedekah, kita _____ dengan orang lain.
- Perlu juga diingat, sesuatu yang disedekahkan itu hendaklah masih elok atau masih _____.
- Bersedekah di _____ adalah lebih diutamakan.

iv. **Menjaga binatang peliharaan dengan baik**

- Binatang peliharaan perlulah dijaga dengan betul agar _____ di kawasan rumah jiran.
- Jika binatang peliharaan _____ dengan betul, ia akan berkeliaran ke rumah jiran tetangga.

- c. Binatang-binatang itu akan _____ di kawasan rumah jiran kita.
- d. Ia juga mungkin akan masuk ke rumah jiran dan membuat _____ dalam rumah seperti mencakar sofa dan menyelongkar makanan di dapur jiran.
- e. Binatang peliharaan yang tidak dijaga dengan betul juga akan _____ tong-tong sampah jiran menyebabkan sampah berselerak.

v. Menolong memerhatikan rumah jiran.

- a. Ada kalanya jiran tidak ada di rumah.
- b. Dalam situasi ini, kita sebagai jiran yang paling dekat, hendaklah _____ keadaan rumah jiran.
- c. Jika ada orang yang _____ di kawasan rumah jiran, kita hendaklah segera bertindak dengan menghubungi polis.
- d. Jika berlaku kebakaran, kita hendaklah segera menghubungi talian _____ dan terus memaklumkan kepada jiran yang lain untuk membantu memadamkan kebakaran jika kebakarannya masih kecil. _____ juga perlu dimaklumkan dengan segera.
- e. Dengan tindakan segera kita boleh membantu menyelamatkan _____ jiran kita.